



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458)]

RUJUKAN TUAN:

LJT 6 JLD.9 / (53)

RUJUKAN KAMI:

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my

26 Julai 2022
26 Zulhijjah 1443

Semua Juruukur Tanah Berlesen

YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan

CAJ FI UKUR BAGI PELETAKAN TANDA SEMPADAN BAHARU

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Merujuk kepada surat Pekeliling Lembaga Jurukur Tanah, Malaysia (LJT) Bil. 2 Tahun 2022, LJT akan melaksanakan peraturan di mana Juruukur Tanah Berlesen (JTB) hendaklah mengenakan caj peletakan tanda sempadan baharu ke atas ukuran yang dijalankan semasa mendepositkan bayaran fi ukur kepada LJT. Peraturan ini akan mula dikuatkuasa pada 01 September 2022. Sehubungan dengan itu beberapa perkara perlu diambil perhatian mengenai pelaksanaannya iaitu:

2.1. Penguatkuasaan caj fi ukur bagi peletakan tanda sempadan baharu pada 1 September 2022.

2.1.1. JTB hendaklah mengenakan caj peletakan tanda sempadan ini mulai tarikh peraturan ini dikuatkuasakan iaitu pada 1 September 2022. Caj ini akan terpakai bagi borang-borang pendaftaran kerja berikut:

- i. LJT700 / LJT800
- ii. LJT710 / LJT810 (Pemakaianya tertakluk kepada syarat-syarat seperti diperkara 2.5)

2.2. Tarikh akhir penghantaran borang-borang LJT700/ LJT710/ LJT800/ LJT810 berstatus 'DATA ENTRY' dan tiada caj fi ukur tanda sempadan baharu adalah pada 31 Ogos 2022.

- 2.2.1. LJT ingin memaklumkan bahawa **tarikh akhir** penghantaran borang-borang LJT700 /LJT710/ LJT800/ LJT810 tersebut adalah pada **31 Ogos 2022 (Rabu)**. Ini bagi memastikan pihak LJT dapat mengasing, memproses dan mendaftar kerja-kerja tersebut sebelum penguatkuasaan peraturan pada 01 September 2022.
 - 2.2.2. Borang-borang yang tidak diterima pada tarikh tersebut, **akan secara automatik dipadam daripada sistem eLJT pada 1 September 2022**.
 - 2.2.3. Oleh itu, LJT memohon kerjasama pihak JTB untuk melengkap dan menghantar/mengembalikan borang-borang tersebut mengikut tarikh yang telah ditetapkan.
- 2.3. Borang-borang LJT700/ LJT710/ LJT800/ LJT810 berstatus "QUERY" dan tiada caj fi peletakan tanda sempadan baharu sebelum 1 September 2022.**
- 2.3.1. Borang-borang LJT700/ LJT710/ LJT800/ LJT810 tersebut akan kekal berada dalam sistem eLJT dan tidak akan dikenakan mandatori caj fi peletakan tanda sempadan baharu.
 - 2.3.2. Pihak JTB dikehendaki melengkapkan dan mengembalikan borang-borang tersebut seperti biasa.
- 2.4. Borang-borang LJT700/ LJT800 – *Add New* mulai 1 September 2022.**
- 2.4.1. Sistem eLJT akan **mandatorikan** caj fi peletakan batu sempadan baharu pada borang-borang LJT700/ LJT800 mulai 1 September.
- 2.5. Borang-borang LJT710/ LJT810 (Tambah/ Pindaan) – *Add New* mulai 1 September 2022.**
- 2.5.1. Sistem eLJT **tidak mandatorikan** caj peletakan batu sempadan baharu pada borang-borang LJT710/LJT810 sekiranya JTB telahpun mengenakan caj tersebut semasa pendaftaran borang-borang LJT700/ LJT800. Namun begitu, pihak JTB boleh mengenakan caj tersebut pada LJT710/ LJT810 sekiranya diperlukan.
 - 2.5.2. Namun begitu, sistem eLJT akan **mandatorikan** caj fi ukur peletakan tanda sempadan baharu pada borang-borang LJT710/ LJT810 jika didapati caj tersebut tidak dikenakan semasa pendaftaran borang LJT700/ LJT800 (untuk kerja-kerja didaftarkan di bawah Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2019 sahaja).


3. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan borang-borang LJT700/ LJT710/ LJT800/ LJT810 berhubung perkara ini, pihak tuan dikehendaki menghubungi *Helpdesk* atau pegawai-pegawai di Seksyen Operasi LJT di talian 03-41085191.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK SR ISMAIL BIN HARUN)

Setiausaha
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia